

04 JUL 2001

Mahathir-BN

MAHATHIR INGATKAN PARTI KOMPONEN BN UTAMAKAN KHIDMAT UNTUK RAKYAT

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengingatkan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya sentiasa mengutamakan perkhidmatan kepada rakyat selain bekerja keras untuk terus mengekalkan kuasa pemerintahan di negara ini.

Sambil meminta mereka supaya tidak leka dalam tanggungjawab memperkukuhkan lagi parti dan kerajaan, Perdana Menteri berkata, BN menjadi kukuh dan kuat atas sokongan rakyat.

"Perjuangan kita untuk kesejahteraan rakyat dan negara, untuk membina hari esok yang lebih bahagia untuk semua masih belum selesai.

"Rakyat masih menyokong dan mengharapkan kita kerana bagi mereka hanya parti dan kerajaan Barisan Nasional sahaja merupakan pilihan terbaik. Oleh itu janganlah hampakan harapan mereka," katanya dalam buku cenderamata sempena Konvensyen Barisan Nasional pada Sabtu ini.

Konvensyen yang bertema "Barisan Nasional Tunggak Keutuhan Negara" itu akan berlangsung selama sehari di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Dr Mahathir, selaku Pengerusi BN dalam perutusannya yang bertajuk "Satu Renungan" itu berkata, parti dan kerajaan BN telah menjadi tunggak kestabilan negara sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Kita telah berjaya mewujudkan satu formula politik yang berkesan dan berkemampuan bagi menyelesaikan pelbagai masalah etnik yang menjadi masalah dunia pada hari ini terutamanya di barat," katanya.

Beliau berkata, BN yang telah 10 kali diberi kepercayaan oleh rakyat untuk memerintah negara melalui pilihan raya yang demokratik, telah berjaya mempertahankan kebebasan politik dan ekonomi serta mewujudkan keadilan sosial yang cukup tinggi di negara ini, mengikut acuannya sendiri.

Kejayaan itu, katanya, dicapai atas asas perpaduan dan semangat "Malaysia Boleh".

"Tugas kita ke hadapan adalah besar lagi mencabar. Dugaan dari dalam dan luar akan terus mengancam kita. Kita mesti bekerja kuat untuk terus berkuasa dalam pilihan raya ke-11 pada tahun 2004 nanti," katanya.

Dr Mahathir berkata, konvensyen BN akan menjadi wadah dan forum penting bagi semua parti komponen mengatur kerja dan strategi untuk keutuhan dan kejayaan parti dan kerajaan.

Menyorot sejarah BN, yang bermula dengan parti Perikatan, Dr Mahathir berkata konsep Barisan Nasional adalah formula politik yang diterima baik oleh rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Perundingan telah menjadi instrumen penting bagi parti perikatan dan Barisan Nasional dalam usaha mencari sebarang penyelesaian politik yang menyentuh masalah kaum, agama dan budaya," katanya.

Perdana Menteri meminta rakyat supaya menolak budaya kekerasan yang sedang dikembangkan oleh Barat terutamanya di negara-negara membangun agar berlaku ketidakstabilan politik dan kerajaan yang dipilih secara demokratik boleh ditumbangkan.

"Budaya demonstrasi jalanan bukan budaya Malaysia. Ia merupakan penyalahgunaan demokrasi bagi mencapai kehendak kumpulan tertentu.

"Demonstrasi jalanan bukan sahaja boleh menjejaskan keamanan negara malahan boleh menyebabkan pecah-belah rakyat berbilang kaum dan keganasan boleh menghancurkan negara seperti yang berlaku di sesetengah negara yang mengamalkan budaya ini," katanya.

-- BERNAMA

AFY ZS NMO